

## JATI DIRI MANUSIA: ANTARA ISLAM DAN BARAT (Human Identity: Between Islam and the West)

<sup>1</sup> MUHAMMAD HILMI JALIL  
<sup>1</sup> MOHD YUSOF HJ. OTHMAN

<sup>1</sup> Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,  
Selangor, Malaysia

---

### ABSTRAK

Semua percaya bahawa manusia memainkan peranan penting untuk membangunkan peradaban. Pembangunan peradaban perlu kepada berbagai bentuk bakat sumber manusia. Sebagai agen pembangunan peradaban, manusia perlu membangunkan jati diri mereka. Dalam masa yang sama, tidak dapat dinafikan bahawa manusia merupakan agen kepada permasalahan yang berlaku dalam dunia hari ini. Contohnya masalah pencemaran alam sekitar, krisis ekonomi dan gejala sosial dalam kalangan remaja hari ini. Kesemua ini menunjukkan usaha pembangunan yang dilakukan bersifat tidak seimbang di antara aspek intelek dengan nilai kerohanian. Asas kepada jati diri manusia hari ini dibentuk oleh ahli falsafah barat seperti Sigmund Freud, B. F. Skinner, Carl Rogers, Ivan Pavlov dan ahli sains kemanusiaan lain yang seangkatan. Ahli falsafah Barat menafikan kewujudan tuhan dalam hipotesisnya. Dalam perspektif Islam, jati diri manusia ditentukan oleh lima unsur yang wujud di dalam dan di luar diri manusia iaitu *Ruh*, *Qulub*, *Nafs*, *Aql* dan *Jasad*. Ahli falsafah barat cenderung untuk mengabaikan kesemua unsur tersebut kecuali *Aql* dan *Jasad* dalam hipotesis mereka. Makalah ini membincangkan perbandingan jati diri manusia antara kerangka pemikiran barat dan Islam supaya kita mampu untuk memperbaiki fenomena kecelaruan dan kesengsaraan pada hari ini.

**Kata kunci:** Jati diri; pembangunan; insani; Islam; Barat

### **ABSTRACT**

*Everyone believes that human being play very important role for the development of any civilization. Civilizational development requires many types of talented human capital. As an agent of civilizational development, people need to develop their identity, at the same time they must also recognize that human being causes a lot of problems in the world of today; for example, the issues of environment, the crisis of economy and currency, and the moral decadence among the youth of today. All these issues show that there is unbalanced development between the intellectual capacities and the spiritual values. The basic identity of human being of today is being determined by western philosophers such as Sigmund Freud, B. F. Skinner, Carl Rogers, Ivan Pavlov and others personalities like them. The western philosophers deny the existence of god in their hypotheses. In Islam, the identity of man is determined by five elements that exist inside and outside of human being, such as Ruh (soul), Qulub (heart), Nafs (emotional Intelligence), Aql (Intellectual intelligence) and Jasad (physical being). Western philosophers tend to neglect all these elements except Aql and Jasad in their hypotheses. In this article, we discuss a comparative identity of human being from the Western and Islamic perspective so that we are able to rectify the disorder and miserable phenomenon of today.*

**Keywords:** *Identity; development; insani; Islam; Western*

### **PENDAHULUAN**

Suasana semasa hari ini menunjukkan manusia telah mencapai satu tahap kemajuan prasarana fizikal yang tinggi berbanding sebelum ini. Kelihatan di sana-sini terdapat berbagai hasil teknologi tinggi yang canggih, begitu banyak jentera berat yang mampu membina pencakar langit dan sebagainya. Dengan terhasilnya teknologi-teknologi baru, ia mampu memberi kemudahan kepada hidup manusia.

Masa terus berlalu, pembangunan material terus dicapai, segala kemajuan dan teknologi yang tercipta hari ini dibina oleh manusia sendiri, tetapi di sana wujud permasalahan besar menimpa manusia itu sendiri. Ketika manusia menikmati hasil teknologi yang dicipta oleh manusia sendiri, dalam realiti kehidupan hari ini sekurang-kurangnya manusia berhadapan dengan tiga masalah besar. Pertama manusia berhadapan dengan permasalahan alam sekitar yang semakin hari semakin tidak seimbang (Capra 1983); kedua, manusia sedang menghadapi masalah sistem ekonomi yang semakin gawat dan mencabar (Fukuyama 2008); ketiga, manusia juga sedang menghadapi sistem sosial yang sudah hilang jati diri (Lewis 2006).

Permasalahan ekosistem alam sekitar sudah menjadi isu hebat yang sentiasa dibincangkan. Banyak fenomena perubahan alam berlaku pada hari ini membimbangkan manusia, malah perubahan tersebut berlaku secara drastik dan ketara. Secara langsung perubahan alam ini menjadi ancaman kepada kehidupan manusia. Fenomena peningkatan aras laut tanpa henti, tanah runtuh, pencemaran udara, peningkatan suhu dunia, pencairan salji, ketidaktentuan cuaca, gempa bumi, tsunami, taufan dan pelbagai fenomena alam yang membuatkan manusia berasa bimbang dan terancam. Hal yang demikian ini dijelaskan oleh Lester W. Milbrath (1996) bahawa pada hari ini manusia bukanlah menghadapi krisis alam sekitar, tetapi sebenarnya manusia berhadapan dengan krisis kemanusiaan yang teruk.

Permasalahan kedua pula ditonjolkan melalui kerosakan sistem ekonomi, di mana sistem ekonomi pada hari ini jauh daripada prinsip keadilan. Eksploitasi dan manipulasi ekonomi boleh dilihat melalui pelbagai bentuk amalan ekonomi. Akibat amalan riba telah mewujudkan jurang yang besar di antara golongan kaya dan miskin. Terdapat juga di kalangan ahli ekonomi yang melakukan amalan eksploitasi dan manipulasi terhadap sistem kewangan. Manusia pada hari ini lebih mementingkan keuntungan dalam bentuk kebendaan dan kewangan. Segala tindakan dilihat wajar asalkan tindakan tersebut boleh menjana pendapatan. Sumber alam digunakan dengan sewenang-wenangnya semata-mata untuk menjana pendapatan dengan mengabaikan risiko yang bakal dihadapi. Jelasnya sistem ekonomi pada hari ini sedang berdepan dengan eksploitasi dan manipulasi yang keterlaluan (Yoshihara Kunio 2001).

Manakala permasalahan ketiga yang dihadapi oleh manusia adalah dalam sistem sosial. Hari ini manusia mampu menghasilkan berbagai-bagai teknologi tinggi yang memberikan kemudahan dan menambah baik kehidupan harian manusia, sebaliknya manusia gagal untuk menambah baik sistem sosial mereka. Mohd Yusof Hj. Othman (2009) memaparkan beberapa paradoks terhadap pembangunan sains dan teknologi yang berlaku pada hari ini, hasil daripada pembangunan sains dan teknologi yang tidak seimbang dengan pembangunan manusia. Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi memungkinkan manusia berhubung di antara satu dengan yang lain dalam jarak yang sangat jauh, seperti mana dua orang yang berada dalam dua benua yang berbeza mampu bercakap di atas talian dalam waktu yang sama, tetapi manusia gagal membangunkan komunikasi sosial yang baik dalam kalangan manusia, malah ramai yang tidak berkomunikasi dengan baik terhadap kedua-dua ibu bapa, guru, pemimpin, sanak saudara dan jiran tetangga sendiri. Hari ini juga manusia mampu mencipta berbagai-bagai teknologi yang memungkinkan manusia memiliki tahap kesihatan badan yang baik, tetapi manusia gagal membina insan berakhlak mulia, yang tahu menghormati ibu bapa dan menghormati sesama insan.

Ketiga-tiga permasalahan besar yang disebutkan di atas merupakan natijah ketempangan pembangunan jati diri manusia sendiri (Chamhuri Siwar & Md Elias Hosein 2009). Makhluh-makhluh lain seperti tumbuhan dan binatang tidak boleh dipertanggungjawabkan, kerana tumbuhan dan binatang hanya hidup seperti mana kehendak tabii mereka dan mereka tidak mampu untuk mengurus alam. Berbeza dengan manusia yang memiliki komponen tertentu, seperti komponen akal yang memungkinkan mereka mengurus dan mentadbir alam serta bertanggungjawab sebagai khalifah Allah di bumi ini. Firman Allah SWT (al-Baqarah 2: 30) yang bermaksud:

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi”.

Oleh yang demikian, boleh kita fahami bahawa usaha pembangunan alam yang dilakukan oleh manusia pada hari ini, telah menghasilkan natijah kehidupan material yang hebat, malah sebahagian besarnya tidak pernah dicapai oleh tamadun sebelum ini. Walau bagaimanapun, dalam masa yang sama kejayaan ini juga telah menghasilkan keburukan kepada alam dan manusia itu sendiri.

Sebagai makhluh Allah yang bertanggungjawab menguruskan dan membangunkan alam ini secara baik dan amanah, terlebih dahulu, manusia perlu mengenali diri mereka sendiri. Siapakah mereka? Persoalan ini tidak mudah untuk dijawab, tetapi tidak pula terlalu sukar sehingga manusia tidak mampu menjawabnya. Justeru manusia mesti mendapatkan jawapan siapakah sebenarnya diri mereka? Kenapa mereka dihidupkan? Apa pentingnya mereka berada di alam ini? Apa yang perlu mereka lakukan? Apakah yang manusia inginkan? Apakah matlamat akhir hidup mereka? Ke mana mereka akan pergi? Sebagai rumusan jawapan kepada semua soalan di atas adalah, manusia sepatutnya mengetahui dan menghayati jati diri mereka yang sebenar.

## **JATI DIRI MANUSIA**

Topik jati diri manusia telah menarik minat pengkaji-pengkaji daripada berbagai bidang, seperti sains tabii, politik, sosio-budaya, ekonomi, kenegaraan dan sebagainya. Kecenderungan ini menunjukkan bahawa usaha pembentukan jati diri manusia merupakan usaha penting yang perlu diberi perhatian sepanjang masa. Ini kerana masa hadapan kehidupan penduduk muka bumi bergantung kepada perbuatan manusia itu sendiri. Manusia yang memiliki jati diri yang baik akan mentadbir bumi ke arah kebaikan, sebaliknya bumi akan rosak jika ditadbir oleh manusia yang tidak mempunyai jati diri yang baik.

Maksud jati diri seperti mana yang dinyatakan dalam Chambers 21st Century Dictionary (2004) membawa maksud “*the state or quality of being a specified person or thing; who or what a person or thing is*”. Manakala menurut Shorter Oxford English Dictionary on Historical Principle (1968), identity bermaksud “*The quality or condition of being the same; absolute or essential sameness; oneness*”. Maksud yang sama diberikan oleh kamus primer dalam bahasa Melayu, iaitu Kamus Dewan (2010) identiti bermaksud “sifat-sifat (ciri-ciri dan sebagainya) yang terdapat pada seseorang atau sesuatu yang sebagai suatu keseluruhan memperkenalkannya atau mengasingkannya daripada yang lain”. Begitu juga dengan maksud yang diberikan oleh Encyclopedia Americana (2006) identity bermaksud *sameness as distinguished from change or difference*.

Berdasarkan kesemua definisi di atas, boleh difahami identiti adalah suatu inti pati yang sempurna terhadap suatu perkara. Di mana, maksud kalimah identiti terjelma melalui dua fungsi. Pertama, fungsi menjelaskan semua elemen yang wujud dalam suatu kejadian, dan fungsi yang kedua menafikan segala elemen-elemen lain yang bukan terdiri daripada inti pati kejadian tersebut. Dua fungsi ini akan memberikan makna yang tepat kepada kalimah identiti. Oleh yang demikian, identiti manusia boleh diberi maksud himpunan elemen yang menyeluruh dan membentuk manusia, dalam masa yang sama membezakan manusia dengan makhluk atau kejadian lain.

### **PERSPEKTIF BEBERAPA SARJANA BARAT TENTANG IDENTITI MANUSIA**

Dalam usaha mencari jawapan siapakah manusia atau apakah identiti sebenar manusia, ada yang melihat manusia daripada aspek fizikal semata-mata, yang hanya perlu kepada keperluan fisiologi dan biologi sahaja. Ada yang melihat manusia daripada aspek tingkah laku dan rangsangannya terhadap persekitaran. Ada yang melihat manusia daripada sudut kemampuan intelegnya. Ada yang melihat manusia daripada aspek emosi. Ada yang melihat manusia daripada aspek maruah, harga diri dan martabat diri. Tidak kurang juga yang melihat manusia daripada aspek kerohanian yang berlandaskan kepada hujah agama.

Secara sepintas lalu, di antara sarjana Barat yang membicarakan tentang manusia adalah Charles Darwin. Beliau melihat manusia daripada sudut biologi melalui perbandingan di antara manusia dengan haiwan. Darwin berusaha melihat ciri yang ada pada manusia dan kemudiannya dibandingkan dengan ciri yang ada pada haiwan. Hasil daripada kajian beliau tentang manusia telah melahirkan teori evolusi (Abdul Rahman Embong 2003). Rentetan daripada teori evolusi, muncul sarjana Barat lain yang membicarakan siapakah manusia, seperti Sigmund Freud dengan teori

psikoanalisis (Robert D. Nye 1992), B.F. Skinner (1971) dengan teori behaviorisme, Carl Rogers yang cukup terkenal dengan teori fenomenologi humanistik (Robert D. Nye 1992) dan Abraham H. Maslow (1970) dengan hierarki keperluan.

Kajian sarjana-sarjana di atas berkaitan identiti manusia hanyalah berkisar kepada aspek fizikal manusia tanpa menyentuh elemen kemanusiaan yang lain, seperti elemen rohani dan sebagainya. Pola kajian sebegini menunjukkan sarjana barat yang mengkaji tentang identiti manusia telah mengasingkan elemen-elemen yang wujud dalam diri manusia. Pengasingan ini akhirnya tertuju kepada penafian mereka terhadap komponen bukan-fizikal.

Sebagai contoh, kajian sarjana barat terhadap hati manusia, hati dalam kajian sarjana barat hanya tertumpu kepada organ yang boleh dilihat, disentuh ataupun dicerap oleh pancaindera, komponen hati ini hanya akan berfungsi mengepam darah dalam tubuh badan manusia. Justeru kajian mereka tidak menyentuh tentang fungsi kerohanian yang dimiliki oleh hati manusia, seperti mana yang dijelaskan dalam ajaran Islam (Gohar Mushtaq 2012).

Begitulah di antara beberapa pemikiran tokoh sarjana Barat yang membicarakan persoalan siapakah itu manusia dan apakah identiti mereka. Kajian mereka berakarumbikan kepada teori evolusi Darwin dan dilihat kajian mereka amat dominan dalam mencorakkan sistem pendidikan dan pemikiran masyarakat hari ini (Abdul Rahman Embong 2003).

Kesemua pandangan sarjana Barat di atas wujud atas respons mereka untuk membangunkan manusia dan adalah wajar untuk difikirkan bersama pandangan tersebut. Walau bagaimanapun adalah tidak adil jika manusia hanya menggunakan logik akal semata-mata untuk merencana proses pembangunan manusia tanpa merujuk kepada pencipta manusia dan tuhan sekalian alam iaitu Allah SWT.

Justeru boleh dinyatakan bahawa kajian yang dilakukan oleh sarjana Barat tentang manusia masih berada pada tahap mendatar dan masih belum mendalam. Banyak kajian lain tentang manusia yang telah dilakukan oleh sarjana-sarjana lain, khususnya sarjana Islam yang menghuraikan tentang identiti manusia dengan skop yang lebih mendalam, seperti al-Ghazali, Miskawayh, Ibn Khaldun, Ibn Sina, Ibn Qayyim al-Jawziyyah, al-Qaradawi dan lain-lain.

## **PENJELASAN ISLAM TENTANG MANUSIA**

Panduan untuk menjawab persoalan utama siapakah manusia yang sebenarnya ada diberikan oleh Allah SWT melalui al-Quran yang menyebutkan manusia itu sebagai

khalifah yang mencorakkan peradaban alam. Manusia juga dibenarkan untuk mengambil manfaat yang ada di alam ini, tetapi manusia mestilah dengan penuh berhemah dan berhati-hati. Dalam masa yang sama manusia dilarang bertindak kasar atau melakukan perkara-perkara yang salah terhadap alam seperti dengan cara mengeksploitasi dan merosakkan alam. Perlu diingat, cara yang terlarang akan menyebabkan implikasi buruk atau mudarat terhadap diri dan hidup seseorang. Al-Quran tidak hanya menggambarkan kepentingan manusia wujud di alam ini melalui tanggungjawab manusia untuk mengurus tadbir alam sahaja, malah al-Quran juga menyatakan bahawa segala apa yang ada di alam ini tunduk patuh kepada manusia dan akan berkhidmat kepada manusia. Firman Allah SWT (Ibrahim 14: 32-33) yang bermaksud:

Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan Dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu; dan ia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut Dengan perintah-Nya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat darinya). Dan ia juga yang menjadikan matahari dan bulan sentiasa beredar, untuk kepentingan kemudahan kamu, dan yang menjadikan malam dan siang bagi faedah hidup kamu.

Begitulah betapa pentingnya kewujudan manusia di alam ini berdasarkan pandangan al-Quran. Bukan sekadar ayat-ayat al-Quran sahaja yang menyentuh tentang hal ehwal manusia, bahkan Allah SWT menghamparkan kepada manusia di dalam al-Quran satu surah yang diberi nama surah *al-Insan*. Al-Quran juga membicarakan manusia dalam berbagai-bagai surah. Ketika al-Quran membicarakan tentang manusia, Allah SWT telah menggunakan perkataan seperti *al-Insan*, *al-Bashar*, *Ibad*, *khalifah* dan sebagainya.

Al-Quran sebenarnya diturunkan kepada manusia sebagai petunjuk dan panduan dalam menempuh kehidupan untuk membangunkan alam. Firman Allah dalam surah al-Nisa' ayat 105 jelas menunjukkan fungsi al-Quran memberikan panduan dan petunjuk kepada manusia yang sebenarnya mestilah diambil dan diamalkan oleh manusia. Firman Allah SWT (al-Nisa' 4: 105) bermaksud:

Sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu (Wahai Muhammad) Kitab (al-Quran) dengan membawa kebenaran, supaya Engkau menghukum di antara manusia menurut apa yang Allah telah tunjukkan kepadamu (melalui wahyuNya); dan janganlah Engkau menjadi pembela bagi orang-orang yang khianat.

Al-Quran telah menyatakan manusia terdiri daripada lima komponen utama iaitu *ruh*, *qulb*, *nafs*, *aql* dan *jasad*. *Ruh* merupakan salah satu komponen yang ada pada

diri manusia. Bentuk fizikal roh yang sebenar tidak difahami oleh manusia. Walaupun demikian, manusia bertanggungjawab untuk sentiasa membersihkan rohnya agar diri manusia terbangun dalam keadaan yang baik serta mendapat kejayaan. Firman Allah SWT (al-Shams 91: 9-10) yang bermaksud:

Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan), dan Sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).

Untuk membersihkan roh manusia, al-Ghazali mencadangkan supaya seseorang itu beramal dengan lima perkara (Mohd Yusof Hj. Othman 2002):

1. Beramal dengan sifat *mahmudah* atau terpuji seperti amanah, ikhlas, jujur, menunaikan janji, bekerja keras dan sebagainya.
2. Menjauhi sifat *mazmumah* atau terkeji seperti riak, sombong, takbur, suka dipuji, angkuh dan sebagainya.
3. Tidak memakan makanan yang haram dari aspek fizikal dan spiritual seperti tidak minum arak, tidak memakan bangkai dan juga tidak memakan makanan yang diperoleh dari sumber yang haram seperti, riba, rasuah, judi dan bukan hak sendiri.
4. Menunaikan hak sesama insan seperti hak terhadap isteri, hak terhadap suami, hak terhadap anak, hak terhadap majikan, hak terhadap pemimpin dan sebagainya.
5. Menunaikan hak Allah seperti menunaikan solat, berpuasa, menunaikan zakat, menunaikan haji dan lain-lain seperti mana yang digariskan dalam ajaran Islam.

Kelima-lima perkara ini perlu dilakukan oleh manusia secara konsisten supaya memastikan rohnya tidak tercemar.

*Qulub* pula merupakan komponen manusia yang membolehkan seseorang melakukan analisis, sintesis dan memberikan makna kepada sesuatu perkara yang mereka cerap (Mohd Yusof Hj. Othman 2002). Komponen *qulub* boleh difahami melalui firman Allah SWT (al-A'raf 7: 179) bermaksud:

Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai.

*Qulub* bukan organ hati dalam diri manusia yang terbentuk daripada seketul darah, tetapi *qulub* merupakan suatu fungsi yang mampu melakukan proses analisis,



sintesis dan memberi makna kepada sesuatu perkara yang dicerap oleh manusia. Dengan kata lain, tidak semestinya cerapan yang dilakukan oleh semua orang dan diikuti dengan analisis dan sintesis akan melahirkan kesimpulan yang sama. Justeru untuk memastikan *qulub* berfungsi dengan betul, ia perlu berfungsi mengikut bimbingan Allah SWT. Sebaliknya orang yang tidak menggunakan *qulubnya* dengan betul akan dimasukkan Allah ke dalam neraka sepertimana yang dijelaskan dalam ayat di atas.

Orang yang berbeza akan memberikan makna yang berbeza kepada sesuatu perkara yang dicerap. Contohnya berlaku kebakaran kepada sebuah rumah dalam sebuah kampung. Jiran kepada keluarga di rumah yang terbakar melihat kebakaran tersebut sebagai suatu ancaman kepada rumahnya, manakala penghuni rumah tersebut merasakan kebakaran itu merupakan musibah yang menimpa dan menjejaskan diri dan keluarganya. Bagi majikan mangsa kebakaran pula melihat kebakaran tersebut sebagai kehilangan pekerja yang tidak boleh diganti. Bagi ahli bomba dan penyelamat pula, kebakaran tersebut merupakan suatu cabaran kepada mereka.

*Nafs* adalah salah satu komponen dalam diri insan, di mana *nafs* merupakan emosi manusia untuk melakukan suatu perkara. Biasanya *nafs* cenderung kepada aspek negatif seperti suka marah, kedekut, tamak, kuat makan, nafsu seks dan sebagainya (Mohd Yusof Hj. Othman 2002). Memenuhi kepuasan nafsu merupakan tabiat manusia. Malah, manusia perlu kepada kepuasan nafsu untuk meneruskan kehidupan mereka. Sebagai contoh, manusia perlu kepada nafsu makan untuk terus hidup sihat. Manusia perlu kepada nafsu kelamin untuk mendapatkan zuriat dan sebagainya (Hamka 2009).

*Nafs* mempunyai tingkatannya yang tersendiri, Ibn Qayyim al-Jawziyyah telah mengklasifikasikan tahap *nafs* kepada tiga peringkat. Peringkat pertama dikenali dengan *al-nafs al-ammārah* iaitu tahap diri insan yang cenderung untuk melakukan kejahatan. Ini adalah peringkat yang paling rendah. Kedua adalah peringkat *al-nafs al-lawwāmah* iaitu tahap diri insan yang menyesali terhadap tingkah laku yang telah lalu. Penyesalan ini terhasil daripada proses muhasabah diri seseorang. *Nafs* ini adalah peringkat pertengahan. Peringkat tertinggi adalah peringkat *al-nafs al-muṭma'innah* iaitu tahap diri yang sentiasa tenang dengan keimanan dan keyakinan terhadap Allah SWT, sentiasa beramal salih dan sentiasa menjauhi dosa (Ibn Qayyim al-Jawziyyah 1961).

Untuk mengawal dan meningkatkan tahap diri seseorang sehingga mencapai tahap *al-nafs al-muṭma'innah*, Ibn Qayyim mencadangkan empat kaedah mengawal diri. Kaedah ini perlu dilaksanakan secara bersepadu. Pertama, seseorang itu perlu berusaha dengan bersungguh-sungguh mempelajari dan memahami ilmu agama.

Kedua, perlu bersungguh-sungguh mempraktikkan segala yang telah dipelajari. Ilmu tersebut perlu dipraktikkan secara amanah, baik dan sehingga sempurna. Ketiga, berusaha bersungguh-sungguh dan dengan bijaksana menyebarkan ilmu yang telah dipelajari kepada orang lain. Keempat, sentiasa sabar dengan segala dugaan dan ujian yang dihadapi ketika melaksanakan tiga kaedah di atas (Ibn Qayyim al-Jawziyyah 1999).

Oleh yang demikian, *nafs* merupakan komponen yang terdapat pada diri manusia yang memungkinkan diri tersebut bekerja keras untuk membenci kekufuran dan mencintai keimanan. Benci untuk melakukan perkara keji, suka melakukan perkara yang terpuji (Mohd Yusof Hj. Othman 2002).

*Aql* adalah komponen yang terdapat pada diri insan yang membolehkan manusia berfikir. Komponen *aql* adalah tempat berlakunya aktiviti berfikir. Berfikir pula merupakan perbuatan yang perlu dilakukan oleh manusia. Oleh yang demikian, berfikir semestinya tertakluk kepada adab dan akhlak mulia.

Sebagai contoh, seseorang tidak boleh berfikir untuk melakukan perbuatan keji seperti berfikir untuk mencuri, berfikir untuk melarikan diri daripada tanggung jawab, berfikir untuk ponteng kerja dan sebagainya. Berfikir seperti ini merupakan perbuatan keji dan perlu di jauhi oleh manusia. Manusia sepatutnya sentiasa berfikir ke arah kebaikan seperti berfikir untuk membantu orang lain, berfikir untuk membangunkan diri dan masyarakat, dan sebagainya. Berfikir seperti ini merupakan perbuatan terpuji dan perlu sentiasa diamalkan.

Untuk berfikir, *aql* memerlukan kepada bahan yang akan membantu seseorang melakukan proses berfikir iaitu bahan intelek (*intellectual substance*) (Mohd Yusof Hj. Othman 2002). Bahan intelek diperoleh melalui proses cerapan maklumat dengan menggunakan pancaindera manusia, sama ada melalui proses mendengar, melihat, merasa di samping berfikir untuk menjana maklumat. Usaha yang perlu dilakukan untuk meningkatkan bahan intelek adalah melalui pembacaan, menghadiri majlis ilmu, berguru dan belajar (Mohd Yusof Hj. Othman 1998).

Satu lagi komponen manusia disebut sebagai jasad, iaitu komponen yang membentuk rupa fizikal manusia. Jasad manusia perlu sihat untuk membolehkan *aql* melaksanakan fungsinya dengan baik. Untuk membangunkan komponen jasad manusia perlu berusaha untuk memakan makanan yang baik dan memakai pakaian yang bersih (Mohd Yusof Hj. Othman 2002).

Miskawayh menyarankan supaya badan sentiasa sihat, perlu mendapatkan sumber tenaga yang asasi iaitu makanan harian. Walau bagaimanapun makanan yang

perlu dimakan mestilah dipilih berasaskan kriteria makanan yang akan menyihatkan badan, bukannya berasaskan kepada keenakan dan kelazatan makanan semata-mata. Apabila kriteria tersebut diamalkan, makanan tersebut akan bertindak menjaga kesihatan badan, menghilangkan lapar, dan menahan badan dari dijangkiti penyakit (Miskawayh 1961).

Pemakanan yang baik merupakan aktiviti utama untuk membina dan menjaga sistem organik tubuh badan. Ruain bt Mustari (1994) menerangkan pemakanan baik adalah makanan yang halal, bersih, mudah di hadam, mengandungi nutrien yang cukup, segar, sempurna serta makanan yang sesuai dimakan oleh individu tersebut. Makanan yang baik, dapat berfungsi untuk memberi kekuatan fizikal individu melalui pembinaan fizikal badan, memberi sumber tenaga serta melindungi diri seseorang daripada penyakit. Dari sudut kerohanian, kita dilarang memakan makanan yang dibeli melalui hasil yang haram seperti riba, wang rasuah, wang judi dan sebagainya kerana makanan tersebut boleh merosakkan roh atau jiwa manusia (Mohd Yusof Hj. Othman 2002).

Selain itu, Hatta Sidi et al. (2003) menjelaskan untuk memiliki dan menjaga kesihatan badan, seseorang itu perlu meninggalkan aktiviti yang boleh memudaratkan atau merosakkan fizikal tubuh badan manusia. Mereka ini merujuk kepada tabiat atau amalan menjauhi diri daripada pengaruh bahan-bahan yang boleh membahayakan diri, termasuk pengambilan bahan yang boleh membahayakan kesihatan badan seperti tidak merokok, tidak minum arak, tidak mengambil dadah, mengurangkan makanan segera, tidak makan makanan yang lebih lemak, mengurangkan pengambilan kafein, tidak mengambil gula berlebihan dan sebagainya.

Manusia daripada perspektif Islam, sebagaimana yang dibincangkan di atas berbeza dengan perspektif yang diajukan oleh sarjana Barat, seperti mana yang diterangkan sebelum ini. Perspektif Barat hanya melihat manusia berdasarkan tingkah laku yang dilahirkan oleh manusia dan tidak membincangkan persoalan manusia daripada aspek *ruh*, *qulub* dan *nafs*. Dengan melihat manusia secara holistik melalui *ruh*, *qulub*, *nafs*, *jasad* dan *aql* membolehkan manusia berfungsi sebagai khalifah Allah dengan sebaik mungkin.

## KESIMPULAN

Sebagai rumusan, Islam mempunyai pandangan yang berbeza dengan sarjana barat tentang identiti manusia. Penjelasan yang diberikan oleh Islam lebih menyeluruh dan mampu membezakan manusia dengan makhluk yang lain. Perbincangan di atas juga memberi faham bahawa untuk memastikan alam ini diurus tadbir oleh manusia secara baik dan memberikan natijah yang baik, manusia perlu membangunkan kelima-lima

komponen manusia, iaitu *ruh, qulub, nafs, jasad* dan *aql* secara bersepadu. Adalah tidak wajar jika manusia hanya membangunkan sebahagian daripada kelima-lima komponen ini. Gabungan kesemua komponen ini akan membentuk identiti manusia, yang memberi jawapan kepada persoalan siapakah manusia yang sebenarnya. Selain itu, pendekatan untuk membangunkan kelima-lima komponen ini mestilah berpandukan kepada petunjuk daripada pencipta alam ini iaitu Allah SWT. Justeru, untuk mengurus tadbir alam, manusia perlu memanfaatkan kelima-lima komponen tersebut dengan sebaik mungkin. Ini akan membolehkan manusia mengurus tadbir alam dengan baik dan memberi natijah kebaikan, kesejahteraan dan keharmonian seluruh makhluk di muka bumi.

### PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah membiayai kajian ini melalui geran penyelidikan GUP-2016-026 dan Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia di atas segala sumbangan yang diberikan.

### RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. 2003. *Pembangunan dan Kesejahteraan: Agenda Kemanusiaan Abad Ke-21*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abraham H. Maslow. 1970. *Motivation and Personality*. New York: Harper & Row, Publisher.
- Capra, F. 1983. *The Turning Point*. Flamingo, London.
- Chamhuri Siwar & Md Elias Hosein. 2009. Development, poverty and the environmental degradation in the Asia Pacific. Dlm. Abdul Samad Hadi et al. (Pnyt.). *Governance for sustainability views from the Asia Pacific*. Bangi: Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti kebangsaan Malaysia.
- Encyclopedia Americana*, Dandury, Conn: Scholastic Library Pub, 2006.
- Fukuyama, F. 2008. The fall of America, Inc. Newsweek, 13 Oktober: 24-28
- Gohar Mushtaq. 2012. *The Intelligent Heart, the Pure Heart: An Insight into the Heart Based on the Quran, Sunnah and Modern Science*. London: Ta-Ha Publisher Ltd.
- Hamka. 2009. *Falsafah Hidup*. Shah Alam: Pustaka Dini.

- Hatta Sidi, et al. 2003. *Menjaga Kesehatan Jiwa: Teknik Mengurus Stres*. Pahang: Pts Publication & Distribution Sdn. Bhd.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Abi 'Abd Allah Muhammad Bin Abi Bakr. 1961. *Ighathah al-Lahfan min masayid al-Shaytan*. Misr: Maktabah Mustafa al-Babiy.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Abi 'Abd Allah Muhammad Bin Abi Bakr. 1999. *Zad al-Ma'ad fi Hady Khair al-'Ibad*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Lester W. Milbrath. 1996. *Envisioning a Sustainable Society*. Dlm. Richard A. Slaughter (Pnyt.). *New Thinking for a New Millennium*. London: Routledge.
- Lewis, H. R. 2006. *Excellence without soul-Does Liberal Education Have a Future*. Philadelphia, USA: Public Affairs Pub.
- Miskawayh, Ahmad. 1961. *Tahdhib al-Akhlaq*. Beirut: Dar Maktabah al-Hayah.
- Mohd Yusof Hj. Othman. 1998. *Isu-isu dalam Ilmu dan Pemikiran*. Kajang: Aras Mega.
- Mohd Yusof Hj. Othman. 2002. *Sains, Teknologi dan Pembangunan Manusia*. Dlm. Misran Rokimin, et al. (Pnyt.). *Falsafah dan Peradaban Pembangunan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Yusoff Hj. Othman. 2009. *Sains, Masyarakat dan Agama*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Noresah bt. Baharom. 2010. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Robert D. Nye. 1992. *Three Psychologies: Perspective from Freud, Skinner and Rogers*. California: Brooks/Cole Publishing Company.
- Ruaain Bt Mustari. 1994. *Kepentingan Penjagaan Makanan dan Pemakanan Serta Implikasinya Terhadap Pembentukan Sahsiah Menurut Perspektif Islam*. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Skinner, B. F. 1971. *Beyond Freedom and Dignity*. Toronto: Bantam Books.
- William R. Trumble. 2002. *Shorter Oxford English Dictionary on Historical Principles*. Oxford: University Press.
- Yoshihara Kunio. 2001. *Globalization and National Identity: The Japanese Alternative to the American model*. Petaling Jaya: Falcon Press.

